

Negara Kucar-kacir Jika Diperintah Pakatan Pembangkang Tidak Sepakat – Khairy Bernama
8 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Penggunaan tiga tema Hari Kebangsaan oleh negeri-negeri di bawah pemerintahan pakatan pembangkang membuktikan mereka tidak bersetuju atau sependapat, meskipun dalam perkara yang mudah, kata Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN), Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata tindakan pembangkang itu memberi gambaran, negara pasti akan dalam keadaan kucar-kacir jika mereka diberi peluang mentadbir negara.

"Sekiranya mereka menang, beginilah cara mereka tadbir negara. Dasar lain, undang-undang pun lain. Mungkin di Kelantan ada hudud dan di negeri-negeri lain tiada hudud.

"Di Kedah ada hudud, di Pulau Pinang tidak ada hudud," katanya sebagai mengulas pendirian negeri-negeri pembangkang yang akan menggunakan tiga tema berbeza bagi menyambut Hari Kebangsaan yang ke-55.

Khairy yang juga Ketua Pemuda Umno dan anggota Parlimen Rembau ditemui pemberita selepas melancarkan "Pasukan Siber Pemuda BN" (BNYCT) di sini, Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686627>